



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

2 Mac 2023
9 Syaban 1444H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Bot Perikanan hilang ditemukan di Batam• Nelayan terpaksa ikat perut berhutang beli barangan asas
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">•
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 4 ditemui selamat
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Empat kru bot PL87 ditemui selamat
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
The Sun	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		7	2/3/2023

um m/s 7
2/3/2023

Bot Perikanan hilang ditemukan di Batam

ISKANDAR PUTERI: Bot milik Jabatan Perikanan Negeri Johor, PL87 yang dilaporkan hilang dalam perjalanan ke Pengkalan Tampoi kelmarin ditemukan di Pulau Kepalajerih di Kepulauan Batam, Indonesia petang semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kesemua empat kru tersebut ditemukan dalam keadaan selamat selepas bot yang dilaporkan hilang itu mengalami kerosakan enjin sebelum dihanyutkan arus sejauh 13 batu nautika sehingga memasuki perairan Indonesia.

"Bot PL87 itu ditemukan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI) pada pukul 1.45 petang di kedudukan satu batu nautika di perairan Pulau Kepalajerih. Ketika ditemukan, keempat-empat kru berada dalam keadaan selamat dan bot dinaiki mereka mengalami kerosakan bateri hingga terputus komunikasi.

"Mereka kini berada di Indonesia, urusan membawa pulang semua mangsa sedang dijalankan antara Maritim Malaysia dengan TNI yang kita jangka dapat diselesaikan hari ini," katanya dalam sidang akhbar di Jeti Maritim Sungai Pulai, di sini semalam.

Terdahulu, media melaporkan sebuah bot Perikanan PL87 dengan empat kru iaitu Fatimah Razak, 36, Zaharin Baharudin, 33, Abdul Halim Sanim, 52 dan Marzuki Jusuh, 53, hilang ketika dalam perjalanan ke Pengkalan Tampoi dari Tanjung Pengelih pada pukul 12.45 tengah hari, kelemarin.

Nurul Hizam berkata, bot berkenaan masih di perairan Indonesia dan pihaknya sedang melakukan urusan membawa pulang semua mangsa dengan kerjasama TNI.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	2/3/2023

Dalam Negeri

Nelayan terpaksa ikat perut, berhutang beli barangan asas

vm m/s 29
2/3/2023

Oleh **DIANA SURYA ABD WAHAB**
diana.surya@utusan.com.my

KUANTAN: Kira-kira 60 nelayan di Kampung Nelayan Pantai Berserah di sini hilang punca pendapatan kerana sudah lima bulan tidak ke laut ekoran Monsoon Timur Laut (MTL) dan cuaca tidak menentu yang dijangka berlanjutan bulan ini.

Rata-rata mereka merungui dengan permasalahan dihadapi dan kecewa apabila tiada bantuan tambahan diperolehi daripada Kerajaan Pusat menerusi pembentangan Belanjawan 2023 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, nelayan pantai Wan Abdul Jamaludin Wan Mohamad, 53, berkata, dia kini terpaksa ikat perut dan berhutang di kedai runcit untuk mendapatkan keperluan barangan asas sementara menunggu peluang turun semula ke laut.

"Memang kita sangat perlukan bantuan terutamanya daripada kerajaan. Sekarang ni kita tak dapat apa-apa bantuan."

"Sejak November kita tak boleh pergi ke laut, masuk bulan



NELAYAN pantai masih menunggu keadaan kembali tenang untuk turun semula ke laut di Kampung Nelayan Pantai Berserah di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/DIANA SURYA ABD WAHAB

Disember, Januari dan Februari, kalau diikutkan empat bulan ini sudah kering air mata untuk menangis," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Wan Abdul Jamaludin berkata, situasi kali ini lebih teruk berbanding sebelumnya berikutan rata-rata nelayan di sini termasuk dirinya turut ditimpa

musibah banjir.

"Sudahlah tidak dapat turun ke laut, banjir pula berlaku dan sekarang masa untuk menyedai keperluan persekolahan anak-anak selain perbelanjaan harian pada bulan Ramadan yang bakal tiba."

"Dua daripada lima anak saya masih bersekolah. Tak dapat lagi

anak nak masuk asrama. Semua itu memerlukan belanja yang besar. Tahun lalu tidak seteruk tahun ini kerana ditambah dengan dua kali rumah dilanda banjir."

"Barang-barang rumah semua rosak ketika banjir dan semuanya memerlukan perbelanjaan tinggi. Mujur ada

adik-beradik dan saudara-mara datang hulur sedikit bantuan," katanya.

Ketua Nelayan Berserah, Abdul Aziz Razali, 53, berkata, meskipun heryukur kerana masih diberikan elaun sara hidup RM300 sebulan, mereka berharap dapat bantuan secara *one-off* kepada nelayan yang terjejas pada musim MTL ini.

Katanya, kebiasaannya bermula pertengahan Januari atau Februari, mereka sudah boleh turun ke laut seperti biasa namun dengan keadaan cuaca tidak menentu tahun ini, tidak pasti bila boleh berbuat demikian.

"Itu kita minta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, turun padang dengar keluh kesah nelayan. Mungkin (Menteri) boleh minta jumpa Perdana Menteri bagi tambahan Belanjawan 2023 untuk nelayan pantai."

"Apa salahnya menteri jumpa Perdana Menteri minta bajet tambahan untuk nelayan. Sebab dengan keadaan cuaca sekarang memang teruk nak cari makan. Kalau boleh beri *one-off* untuk nelayan, tak kiralah berapa pun kerajaan nak berikan," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI	24 2/3/2023
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

KAKITANGAN JPN JOHOR 'HILANG' HM M/S 24 2/3/2023

4 ditemui selamat



EMPAT kakitangan Jabatan Perikanan Negeri Johor yang dilaporkan hilang selepas bot PL87 dinaiki mereka terputus hubungan sejak petang semalam, ditemui selamat di perairan Pulau Kepala Jerih, Batam, Indonesia. Gambar kecil, Nurul Hizam.

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Iskandar Puteri

Empat kakitangan Jabatan Perikanan (JPN) Negeri Johor yang dilaporkan hilang selepas bot PL87 dinaiki mereka terputus hubungan kelmarin ditemukan selamat pada jarak kira-kira 13 batu nautika dari lokasi terakhir mereka.

Fatimah Razak, 36; yang mengetuai bot berkenaan, bersama tiga kru lain, Zaharin Baharudin, 33; Abdul Halim Sanip, 52; dan Marzuki Jusuh, 53, ditemui pasukan Tentera Nasional Indonesia (TNI) pada kedu-

dukan satu batu nautika dari Pulau Kepala Jerih, Batam, Indonesia, jam 1.45 petang semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, hasil maklumat awal diperolehi, bateri bot berkenaan dilaporkan mengalami kerosakan.

"Bot kemudian tidak dapat berfungsi dengan baik sebelum dihanyutkan. Ketika ditemukan, semua kru dilaporkan ber-

ada dalam keadaan selamat dan sihat," katanya ketika sidang media di Jeti APMM Sungai Pulai di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Zainudin Abd Wahab.

Nurul Hizam turut mengesahkan bahawa ketika ini, bot berkenaan masih di perairan Indonesia dan pihaknya sedang menjalankan urusan membawa pulang semua mangsa dengan kerjasama TNI.

"Bot PL87 kini dalam proses pembaikan oleh TNI, jika ia boleh dibaiki, bot akan bergerak

sendiri dengan diiringi TNI sebelum diserahkan kepada kita.

"Kita berharap semua urusan membawa pulang bot PL87 dan mangsa dapat diselesaikan hari ini dan proses serahan dijangka dibuat di atas laut perairan Johor Barat," jelasnya.

Kelmarin bot yang dalam perjalanan pulang dari Tanjung Pengelih, Kota Tinggi ke Pengkalan Jabatan Perikanan di Tampoi, Johor Bahru, sejak jam 12.45 tengah hari gagal dikesan dan dihubungi kira-kira jam 3 petang.

Bot berkenaan sepatutnya dijadualkan tiba di Tampoi pada jam 6.30 petang kelmarin.

Nurul Hizam sahkan ketika ini, bot masih di perairan Indonesia

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR				NANYANG SIANG PAU	
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN				ORIENTAL DAILY	
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL				PELBAGAI	
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18 2/3/2023		

KOSMO M/s 18 2/3/2023

Empat kru bot PL87 ditemui selamat

Mangsa ditemui di perairan Indonesia oleh tentera laut negara itu

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI
JOHOR BAHRU

Bot PL87 bersama empat kru daripada Jabatan Perikanan Johor yang dilaporkan hilang, malam Selasa lalu, ditemui selamat di perairan Indonesia pada petang Rabu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Johor, Laksamana Pertama Maritim Nurul Hizam Zakaria berkata, kesemua kru bot berkenaan ditemui oleh kapal KRI Sigalu 857 milik Tentera Nasional Indonesia (TNI) sekitar jam 1.40 petang.

Menurut beliau, ketika ditemui, bot berkenaan berada pada kedudukan 23 batu nautika tenggara Tanjung Piai di perairan kepulauan Batam.

"Bot tersebut dipercayai telah mengalami kerosakan enjin mengakibatkan mereka hanyut sebelum ditemui petang tadi (Rabu)



Bot Jabatan Perikanan Johor yang dilaporkan hilang berjaya ditemui di perairan Indonesia.

"Kesemua kru dilaporkan dalam keadaan sihat serta selamat ketika ditemui dan urusan penghantaran mereka sedang diuruskan.

"Pihak Pusat Kawalan Operasi Maritim (MRSC) Johor Bahru mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat sepanjang Op Carilamat ini," katanya menerusi satu kenyataan media pada Rabu.

Sebelum ini, bot PL 87 ber-

sama empat kru diketuai Fatimah Razak, 36, bersama Zaharin Baharuddin, 33, Abd Halim Sanip, 52, dan Mohd Marzuki Jusuh, 53, dilaporkan berlepas keluar dari Tanjung Pengelih sekitar jam 12 tengah hari, Selasa.

Bagaimanapun, bot berkenaan yang dijadualkan tiba di Pengkalan Tampoi pada 6.30 petang Selasa, tidak tiba sebagaimana yang dijadualkan dan gerakan mencari dijalankan.